Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk

اونيت ڤنونتوت بروني

**BRUNEI STUDENTS UNIT**
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

# SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
# BIL 09/2019

**KEPADA:** **SEMUA PELAJAR YANG BERADA DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND**

**PER:** **ISU KESIHATAN MENTAL PELAJAR BRUNEI DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND**

Isu kesihatan mental adalah perkara yang bukan asing lagi terutama sekali dikalangan pelajar, apatah lagi bagi pelajar-pelajar Brunei yang berada jauh dari keluarga. Para pelajar harus peka mengenai dengan perkhidmatan *Student Well Being* yang ditawarkan oleh universiti masing-masing, seperti perkhidmatan kaunseling, *stress management*, talian perkhidmatan bantu diri dan sebagainya.

Unit Penuntut-Penuntut amat mengambil berat mengenai isu kesihatan mental yang boleh menjejaskan potensi akademik pelajar dan seterusnya membawa kegagalan. Oleh itu, sebagai langkah awal, Unit Penuntut-Penuntut ingin mengetahui statistik kesihatan mental para pelajar mengikut tadahan secara umum melalui online survey: Survey on Mental Health for Bruneian Students Studying in The UK and Ireland, yang diemelkan kepada setiap pelajar yang berdaftar dengan Unit Penuntut-Penuntut.

Sehubungan itu, diminta agar semua pelajar memberikan maklumat yang jujur dan betul ke arah sama-sama menangani isu kesihatan mental. Unit Penuntut-Penuntut tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.

Sekian untuk makluman dan perhatian pelajar semua.

Wassalam.

*MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA*

Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut

Rujukan: BSU E/5 Pt. XV
Tarikh: 06 Jamadilakhirl 1440 / 11 Februari 2019